

BENGGKEL 20
Praktikal Penulisan 1
(الورشة العشرون – بناء الجمل وتركيبها)

A- Berdasarkan “Karangan Contoh”

B- Penekanan yang diberi tentang :-

Memahami perkara berikut :-

- Pembacaan teks “Karangan Contoh”.
- Kefahaman.
- Penterjemahan ke dalam BA.
- Meringkas isi-isi penting.

C- Latihan

Berpandukan “Karangan Contoh” pelajar akan :-

- Dilatih memahami apa yang dibaca.
- Mengeluarkan isi-isi utama dalam BM.
- Membuat ringkasan karangan tersebut dalam BA.

D- Cara

1. Pelajar memilih/dibekalkan satu petikan karangan BM yang sesuai.
2. Mengeluarkan ayat-ayat asas dan mengenaplasti rukun ayat berkenaan.
3. Melakukan ANALISIS MORFOLOGI ke atas setiap perkataan RUKUN AYAT BERKENAAN.
4. Format LATIHAN BERKELOMPOK.



KARANGAN CONTOH



PROFIL DATO SRI DR MAHATHIR BIN MOHAMED

1. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-empat pada 16hb Julai 1981.
2. Dilahirkan pada 20hb Disember 1925 di Alor Setar, ibu negeri Kedah, Dr. Mahathir mendapat pendidikan awal dan menengahnya di bandar kelahirannya. Pada tahun 1947, beliau mendapat tempat di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura untuk melanjutkan pelajarannya.
3. Selepas menamatkan pengajiannya, beliau menyertai perkhidmatan awam Malaysia sebagai Pegawai Perubatan. Pada tahun 1957 beliau meninggalkan perkhidmatan awam untuk membuka klinik perubatan di Alor Setar.
4. Dr. Mahathir mula aktif dalam arena politik sejak 1945. Beliau telah menjadi ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sejak ditubuhkan pada 1946.
5. Selepas memenangi Pilihanraya Umum pada tahun [1964](#), Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Ahli Parlimen. Bagaimanapun, beliau hilang kerusi pada Pilihanraya Umum berikutnya iaitu pada tahun [1969](#).
6. Oleh kerana minatnya yang mendalam dalam bidang pendidikan, beliau dilantik sebagai Pengerusi Majlis Pendidikan Tinggi yang pertama pada tahun 1968, Ahli Majlis Penasihat Pendidikan Tinggi pada 1972, Member of the University Court and University of Malaya Council, dan Chairman of the National University Council pada 1974.
7. Dr. Mahathir dilantik sebagai Senator pada tahun 1974. Beliau melepaskan jawatan ini untuk membolehkannya bertanding dalam Pilihanraya Umum [1974](#) di mana beliau menang tanpa bertanding. Berikutan daripada pilihanraya tersebut, Dr. Mahathir dilantik menjadi Menteri Pendidikan Malaysia.
8. Pada tahun 1976, Dr. Mahathir dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri disamping terus menjalankan peranan dan tugas-tugas sebagai Menteri Pendidikan. Di dalam rombakan kabinet dua tahun kemudian, beliau melepaskan portfolio Pendidikan untuk menyandang jawatan baru sebagai Menteri Perdagangan dan Industri. Setelah dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Industri, Dr Mahathir mengetuai dalam pelbagai misi dan promosi pelaburan di luar negara.
9. Dr. Mahathir telah dipilih sebagai salah seorang daripada tiga Naib Presiden UMNO pada tahun 1975. Pada tahun [1978](#), beliau memenangi kerusi Timbalan Presiden parti dan pada tahun 1981 beliau dilantik sebagai Presiden parti. Beliau mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden parti pada tahun 1984 apabila menang tanpa bertanding.
10. Dalam pilihanraya parti 1987, Dr. Mahathir mengalahkan lawannya untuk mengekalkan jawatan Presiden dan pada tahun 1990 dan 1993, sekali lagi beliau menang tanpa bertanding sebagai Presiden parti. Di bawah pentadbiran beliau, parti memerintah Barisan Nasional memenangi Pilihanraya Umum berturut-turut pada tahun [1982](#), [1986](#), [1990](#), [1995](#) dan [1999](#).
11. Dr. Mahathir berkahwin dengan seorang doktor, [Datin Seri Dr. Siti Hasmah bt Mohd Ali](#), dan mereka dikurniakan tujuh cahaya mata iaitu Marina, Mirzan, Melinda, Mokhzani, Mukhriz, Maizura, dan Mazhar.



PERBENDAHARAAN KATA ASAS

Bahasa Melayu	
Perdana Menteri	
Kolej Perubatan King Edward VII	" "
Perkhidmatan Awam	/
Pegawai Perubatan	
Klinik Perubatan	/
Arena Politik	
Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu	
Pilihan Raya Umum	
Ahli Parlimen	/
Bidang Pendidikan	/
Pengerusi Majlis Pendidikan Tinggi	
Ahli Majlis Penasihat Pendidikan Tinggi	
Member of the University Court	
Universiti of Malaya Council	" "
Chairman of the National University Council	
Senator	/
Menteri Pendidikan Malaysia	
Timbalan Perdana Menteri	
Portfolio Pendidikan	
Menteri Pedagangan dan Industri	
Misi & Promosi Pelaburan	
Naib Presiden UMNO	
Timbalan Presiden UMNO	
Presiden Parti	

